

Jiwa Kolektif

RAMPAIAN FENOMENA MASSA

INTISARI adalah *imprint* **Kawah Buku**, yang menumpukan kepada penerbitan ilmiah bagi Pengajian Melayu dan Pengajian Malaysia.

Buat para peminat falsafah di Malaysia...

Jiwa Kolektif

RAMPAIAN FENOMENA MASSA

F. Budi Hardiman



Ketika Benedict Anderson memperkenalkan '*imagined community*', beliau menekankan peranan simbol, naratif, dan budaya cetak dalam memupuk rasa kebersamaan dalam kalangan individu yang tidak dikenali, lalu membentuk identiti negara-bangsa. Namun, konsep ini kurang membahaskan dinamika pertarungan ideologi dalam pergerakan massa. Sebaliknya, konsep '*nation-of-intent*' yang saya usulkan menonjolkan sifat aktif pergerakan rakyat, yakni identiti nasional dibentuk melalui perebutan cita-cita kolektif, seperti yang terlihat dalam konteks nasionalisme Malaysia. Menariknya, F. Budi Hardiman melengkapkan perbincangan '*imagined community*' dan '*nation-of-intent*' dengan karya falsafah yang mengupas jiwa kolektif rakyat sebagai teras pembentukan massa. *Jiwa Kolektif* saya berani nyatakan sebagai karya pertama dalam bahasa Melayu yang berjaya menganalisis gumpalan fikiran dalam nasionalisme dengan penuh bergaya dan berwibawa.

— **Shamsul Amri Baharuddin**, Profesor Ulung, Pengasas-Pengarah, Institut Kajian Etnik (KITA)

Jiwa Kolektif adalah naskhah intelektual yang memukau. Melalui pemikiran tokoh-tokoh besar seperti Gerorg Simmel, Hermann Broch, Elias Canetti, dan Hannah Arendt, buku ini menyuguhkan analisis cemerlang tentang dinamika kolektif manusia—sebuah tema yang semakin relevan di tengah gelora politik, berita palsu, dan krisis global dewasa ini. Buku ini bukan sekadar bacaan, melainkan panduan penting untuk memahami bagaimana kesedaran bersama terbentuk dan diarahkan. Malah, buku ini juga berjaya menggali fenomena massa dari kaca mata pelbagai disiplin dengan tajam dan mendalam. Sebuah sumbangan monumental dalam wacana sosial mutakhir. *Jiwa Kolektif* adalah adiknya pemikiran sosial yang cerdas dan sangat tepat pada waktunya!

— **Budhy Munawar-Rachman**, Dosen, Sekolah Tinggi Filsafat (STF) Driyarkara, Jakarta

Manifesto adalah penegasan ideologi setiap parti politik. Lewat manifesto, rakyat memperoleh penjelasan mengenai dasar dan haluan parti: Ke arah mana parti politik ingin membawa rakyat. Namun, dasar dan haluan ini akan melencong sekiranya manifesto tersebut tidak berlandaskan pengetahuan yang prodemokrasi dan antifasisme. Justeru, karya bermutu F. Budi Hardiman ini adalah segudang pengetahuan yang menjadi bekal dalam menambah pengetahuan. Kandungan dalam naskhah ini bukan sahaja memberi ilham bagi penghasilan manifesto politik yang berorientasikan rakyat, tetapi juga dapat memandaikan ahli politik. Ringkasnya, setiap parti politik sepatutnya memiliki manifesto, dan setiap ahli politiknya sepatutnya mendalami *Jiwa Kolektif*.

— **Mohd Najwan Halimi**, Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor, Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN).

Perkara yang dibincangkan oleh F. Budi Hardiman dalam siri kuliah tentang fenomena massa ini sebenarnya amat dekat dengan pengalaman negara-negara ASEAN. Dalam perkembangan masyarakat, sentiasa wujud gerakan yang mempengaruhi pembentukan massa. Walau bagaimanapun, kerangka pembentukan massa di ASEAN sedikit sebanyak berbeza daripada perspektif Georg Simmel, Hermann Broch, Elias Canetti, dan Hannah Arendt. Perbezaan ini berpunca daripada pemboleh ubah yang berlainan, seperti budaya, agama, dan sejarah. Bagi mereka yang mengkaji fenomena pembentukan massa dalam konteks masyarakat Eropah atau masyarakat dunia yang mengikuti cara hidup Eropah, buku ini dengan cemerlang mendedahkan hakikat tersebut. Namun, bagi mereka yang mempunyai pandangan berbeza, buku ini mampu membuka sikap kritis dan melorongkan pengetahuan baharu. Apa yang pasti, buku seumpama ini amat jarang ditemui dalam konteks pendidikan falsafah dan pemikiran di Malaysia. Kehadiran *Jiwa Kolektif* membuatkan kita tertanya-tanya: Adakah terdapat pemikir Malaysia yang sefasih ini?

— **Mohamad Alinor Abdul Kadir**, Presiden, Persatuan Pendidikan Falsafah dan Pemikiran Malaysia (PPFPM)

Manusia itu makhluk sosial, kata Francis Fukuyama sewaktu menolak tesis Thomas Hobbes. Namun daripada keluarga kepada masyarakat, daripada kelompok kepada massa, ada jalan kabur dan tidak lurus. Nilai hidup, tradisi, agama, budaya dan politik, atau apa-apa lagi unsur bersama, terangkum dalam keperibadian seseorang sehingga tenggelam kesedaran diri, hanya terikut-ikut arus massa. *Jiwa Kolektif* menyediakan sisi pandang bagaimana memanfaatkan daya hidup bersama tetapi mengekalkan kesedaran diri melalui teori massa empat filsuf: Georg Simmel, Hermann Broch, Elias Canetti dan Hannah Arendt. Tema-tema politik identiti, masyarakat warga, dan arus nasionalisme etnik akan lebih mudah dihadap setelah naskah ini fahami. F. Budi Hardiman tidak diragui lagi tangkas mengolah fenomena massa ini setanding karya-karyanya di Indonesia.

— **Fathi Aris Omar**, Pengamat Politik dan Budaya

Bagi pelajar dalam ilmu politik, rumus utama yang diajarkan sering tertumpu pada angka dalam demokrasi—“*who gets what*.” Namun, dua fasa penting kerap terabai; sebelum dan selepas perolehan angka. Pertama, terdapat proses kempen, rayuan, karisma, rencana, dan rundingan yang menuntut kecerdasan akal dan kepekaan emosi demi memikat khalayak. Kedua, timbul persoalan sama ada pemenang menjadi demokrat sejati dengan berani membuka ruang untuk kelak dikalahkan sekaligus mencerminkan kekuatan moral dan kehalusan budi. Melalui *Jiwa Kolektif*, F. Budi Hardiman dengan bergaya menangkap tujuan kedua-dua fasa ini; yang pertama menyuburkan demokrasi, dan yang kedua mengelakkan totalitarianisme.

— **Zaini Othman**, Profesor Madya dan Felo Penyelidik
Kanan, Institut Kajian Etnik (KITA)

Jiwa Kolektif menawarkan satu analisis kritis tentang pembentukan massa dalam kesedaran. Pada zaman teknologi maklumat yang kian menghubungkan manusia dengan kesedaran berbeza-beza, terdapat kecenderungan untuk setiap individu menyertai entiti-entiti ‘massa’ yang dilatari kesedaran yang saling mereka kongsi bersama. Hal ini diperkukuh menerusi algoritma media sosial yang menyusun atur setiap maklumat sesuai dengan kecenderungan individu, lantas menjadikan apa-apa fikiran—baik yang terpuji mahupun yang cabul—saling disokong lalu membentuk satu semesta wacana dengan kerumunannya sendiri. Dalam konteks inilah, analisis F. Budi Hardiman tentang fenomena pembentukan massa relevan. Ia melangkaui analisis ringkas seputar kecenderungan politik, kemiripan budaya, atau sistem sosial semata-mata. Dasar-dasar metafizik terhadap cara manusia berinteraksi dengan masyarakatnya sendiri turut disentuh, menjadikan buku ini satu sumber renungan yang berharga untuk para penikmat dan pengkaji falsafah. Ringkasnya, buku ini mempunyai dua kekuatan terbesar. Pertama, ia menimbulkan persoalan yang jelas tentang cara manusia mengharmonikan ironi kemasyarakatan—antara kebebasan dengan tirani, individu dengan kerumunan, tindakan rasional dengan kespontanan, dan masyarakat bersistem dengan kehuru-haraan. Kedua, ia menyediakan asas analisis falsafi yang inovatif untuk menganalisis bentuk-bentuk autoritarianisme baharu seiring dengan kemajuan teknologi terkini, evolusi wacana politik dalam pelbagai bentuk, serta kemajmukan masyarakat yang semakin rumit. .

— **Hazman Baharom**, Pensyarah, Program Bahasa Melayu,
Tokyo University of Foreign Studies (TUFS)

Manusia yang berkumpul digerakkan oleh pelbagai impian, hasrat dan beban—ada yang tajam, ada yang tumpul. F Budi Hardiman menghidangkan wawasan yang mencerahkan daripada para filsuf terkemuka Barat, menyingkap fenomena massa melalui pengantar yang merangkumi sejarah (masa lalu), cabaran (masa kini), dan harapan (masa depan). Telaah ini mengajak kita menjaga nurani kritis agar tetap jernih, suci, dan bebas daripada belitan kekusutan.

— **Azhar Ibrahim**, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti
Nasional Singapura (NUS)

© Fransisco Budi Hardiman, 2025
© Ramze Endut, hak penyuntingan manuskrip
© Kawah Buku, hak penerbitan

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau sebarang cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Diterbitkan pertama kali pada tahun 2025 oleh

INTISARI, sebuah imprint **Kawah Buku**
(Didaftarkan di bawah *Soeloeh Merdeka Publishing*)
Bandar Baru Bangi
43650 Selangor
🌐 press.kawahbuku.com



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-99518-8-9

Suntingan oleh Ramze Endut
Bacaan semak oleh Ruhan Shahrir dan Khairunisa
Reka bentuk kulit oleh Amin Landak
Aturhuruf oleh Iskandar Kamel

Diterbitkan di Malaysia
Dicetak oleh BookHero
2 4 6 8 10 9 7 5 3 1

KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	xi
<i>Kata Pengantar oleh Ramze Endut</i>	xv
1. Dinamika Kolektif Manusia	1
2. Epistemologi Massa Georg Simmel	9
3. Psikologi Massa Hermann Broch	41
4. Antropologi Massa Elias Canetti	73
5. Politik Massa Hannah Arendt	107
6. Merungkai Fenomena Massa	137
<i>Glosari</i>	145
<i>Bibliografi</i>	155
<i>Indeks</i>	159

PRAKATA

Fenomena massa telah lama memikat para pemikir, tetapi perhatian mereka sering terpaksa pada sebab-sebab manusia berkumpul. Jarang sekali ada yang menyelami lebih dalam: Apakah yang membentuk jiwa manusia dalam massa? Walhal, penerokaan sehalus ini dapat mendedahkan dimensi fenomena massa yang lebih menarik sekaligus mencabar wacana lazim.

Salah satu cara untuk menekuni fenomena massa ialah melalui konsep kerumunan (*crowd*). Bayangkan perhimpunan di dataran, sorak sorai yang menggema, bahkan gelombang digital yang membanjiri dunia maya: Semua itu adalah kerumunan. Kita sering terpesona oleh kuasa angka—berapa juta orang yang berkumpul, seberapa nyaring teriakan, atau seramai mana tanda suka dan perkongsian. Dalam pukauan angka ini, kita kerap melupakan aspek lain yang membentuk jiwa manusia: Kerinduan untuk menjadi sebahagian daripada sesuatu yang lebih besar. Pada saat itu, jiwa individu luntur, lalu berganti menjadi kolektif.

Jiwa Kolektif mengajak pembaca menyelongkar kerumitan massa melalui kanta falsafah, dengan merujuk pemikiran empat filsuf besar: Georg Simmel, Hermann Broch, Elias Canetti, dan Hannah Arendt. Ringkasnya, buku ini berangkat daripada sebuah pertanyaan mendasar: Apakah yang terbenak dalam fikiran manusia ketika mereka menyatu dalam massa?

Pertanyaan ini bukan sekadar teka-teki fikiran, tetapi penting untuk ditanggapi dalam dunia penuh ketidakpastian: Daripada populisme ekstrem—kiri dan kanan—hingga protes masyarakat warga (*Zivilgesellschaft*) yang memperjuangkan keadilan. Untuk menelusurinya,

Jiwa Kolektif mengambil pendekatan strategik dengan menumpukan perbincangan pada keempat-empat tokoh tersebut. Pembatasan ini memungkinkan analisis yang menyeluruh, sambil merangkum kebelakaan sudut falsafah—epistemologi, psikologi, antropologi, dan politik—secara serentak.

Sebagai latar belakang, buku ini merupakan hasil transkripsi dan penyuntingan siri kuliah tentang fenomena massa, yang diadakan oleh Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS) dengan kerjasama Ingatan Malaysia dan Naratif Malaysia. Meskipun peserta kuliah tidak ramai, dan sebahagiannya mungkin telah lupa kehadiran mereka, karya ini diharapkan dapat melahirkan lebih ramai peminat falsafah. Setiap kuliah mengurai perspektif khas keempat-empat tokoh yang hidup tidak begitu jauh zamannya.

Kuliah ini bermula dengan Georg Simmel yang membawa kita ke ranah epistemologi, menelusuri kesedaran kolektif yang terbentuk melalui interaksi sosial. Seterusnya, Hermann Broch mengupas psikologi massa, mengungkap keresahan eksistensial yang mendorong individu larut dalam kerumunan. Elias Canetti, dengan pendekatan antropologi, menghubungkan massa dengan naluri purba manusia. Akhirnya, Hannah Arendt menyoroti dimensi politik, memberi amaran bahaya totalitarianisme yang muncul akibat lenyapnya ruang awam.

Kecuali Simmel, semua filsuf yang pernah hidup di bawah bayang Holocaust ini menawarkan pandangan tentang massa sejauh sebelumnya terbentuk. Fenomena massa, bagi mereka, bukan hanya mampu mengubah, tetapi juga boleh mencengkam—membangun sekaligus memusnahkan. Pemikiran mereka yang dirangkum dalam buku ini, menjadi unit analisis untuk memahami dunia masa kini: Merentang daripada platform digital yang merayakan perbezaan hingga kerencaman ideologi yang mengancam keragaman.

Jiwa Kolektif ditujukan kepada khalayak terluas—pendidik, pelajar, aktivis, politikus, atau sesiapa yang ingin tahu mengapa manusia berkumpul, serta apa yang berlaku dalam fikiran dan kenyataan ketika mereka bersatu menjadi sebahagian daripada yang besar. Naskhah ini adalah ajakan untuk kita bermuhasabah, bukan hanya tentang dunia di sekitar kita, tetapi juga tentang diri kita sebagai cebisan kolektif manusia.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membidani kelahiran buku ini, terutama Ramze Endut sebagai penyunting, Razan Rose' sebagai transkriptor, dan Kawah Buku sebagai penerbit. Ucapan terima kasih juga kepada para peserta siri kuliah yang meskipun tidak dapat disebutkan satu per satu, telah memperkaya perbincangan dalam karya sederhana ini. Semoga *Jiwa Kolektif* ini menjadi titik tolak bagi wacana yang lebih luas tentang fenomena massa, baik di Malaysia mahupun Indonesia, sekaligus menjadi panduan untuk mengenali titik balik sejarah sesebuah masyarakat.

F. Budi Hardiman

1 Mei 2025

KATA PENGANTAR

Fenomena massa bukan sekadar lautan manusia yang bergemuruh di dataran awam atau gelombang emosi yang membanjiri ruang digital. Fenomena ini adalah saat setiap individu melepaskan identitinya demi menjadi sebahagian daripada kolektif yang lebih besar. Nati-jahnya, individu dalam massa tunduk kepada gelombang kolektif yang lebih kuat, liar, dan kadangkala menakutkan. Dalam *Jiwa Kolektif*, F. Budi Hardiman mengajak kita memperhalusi fenomena massa ini melalui kanta falsafah, dengan merujuk pemikiran empat filsuf berbahasa Jerman: Georg Simmel, Hermann Broch, Elias Canetti dan Hannah Arendt.

Secara zahir, buku ini berpunca daripada siri kuliah maya yang dianjurkan oleh Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS) pada tahun 2022, dengan kerjasama Ingatan Malaysia dan Naratif Malaysia. Namun, kelahiran sebenar *Jiwa Kolektif*—dalam ruang fikiran—bermula jauh lebih awal. Pada tahun 2010, idea buku ini bertunas semasa saya menyertai bengkel tiga hari mengenai ruang awam di Yogyakarta yang dikendalikan oleh F. Budi Hardiman. Filsuf Indonesia ini bukan sahaja pembicara yang memikat, tetapi juga pendengar yang tajam. Beliau mendengar dengan prihatin luahan tentang labirin politik Malaysia yang pada masa itu terasa membuntukan.

Dalam senja di kota Jawa itu, siang silih malam dalam satu simfoni, dan ketika roda beca kami berderit, saya bertanya naif: Siapakah pemikir yang paling sesuai untuk memecah kekusutan politik di Malaysia? Sebagai pengajar falsafah politik, F. Budi Hardiman boleh memetik Niccolò Machiavelli yang melihat politik sebagai permainan kuasa tanpa moral, atau Jürgen Habermas yang merayakan

ruang awam sebagai medan wacana rasional. Namun, beliau tetap mengambil masa sejenak sebelum memetik, “Elias Canetti.” Saya pernah mendengar tentang Canetti, tetapi tidak pernah mendalami pemikirannya. Bagi F. Budi Hardiman, politik tidak perlu memilih antara pesimisme Machiavelli atau optimisme Habermas. Hakikatnya, politik sama sekali tidak terpisah daripada fenomena massa—satu *eureka* yang terus melekat dalam fikiran saya. Walaupun minat terhadap Habermas dan Niklas Luhmann semakin menebal, nama Canetti sering berdenting, mengingatkan bahawa massa adalah kunci untuk memahami dinamika kuasa dalam masyarakat.

Pertemuan di Yogyakarta itu bukan kali pertama saya mengenali sosok intelektual ini. Nama beliau diperkenalkan lebih awal kepada khalayak Malaysia oleh Fathi Aris Omar, seorang wartawan *Malaysiakini* yang penuh membara pada masa itu. Fathi yang menjalankan kajian di bawah program Asian Public Intellectual (API) 2005/2006 tajaan The Nippon Foundation, menerapkan perspektif ruang awam Habermas dalam penyelidikannya tentang Komunitas Utan Kayu di Jakarta. Komunitas yang menjadi pangkalan Goenawan Mohamad ini merupakan ruang yang merayakan idea tentang demokrasi, pengetahuan, dan kesenian—persisnya ruang awam yang digagaskan Habermas.

Fasa Peralihan Intelektual

Mengenali F. Budi Hardiman melalui Fathi Aris Omar adalah suatu pengenalan; Namun, berinteraksi secara langsung dengannya adalah suatu pengalaman yang mengubah trajektori intelektual: Daripada pesimisme terhadap wajah politik tanah air kepada kesedaran bahawa ada ‘yang lebih’ daripada pencak politik itu sendiri.

Pada penggal 2009/2010, saya mendapat peluang—seperti Fathi—menjalankan penyelidikan di Indonesia di bawah program API. Peluang ini tidak mungkin terbentang tanpa sokongan Francis Loh Kok Wah dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan Khalid Jaafar dari Institut Kajian Dasar (IKD) ketika itu. Penyelidikan setahun tersebut menumpu pengaruh pemikiran Ali Shariati dan Murtadha Mutahhari dalam konteks intelektual Indonesia. Kesempatan berada di Jakarta ini membuka ruang untuk mendaftar secara bukan-audit di Sekolah Tinggi Filsafat (STF) Driyarkara. Di ibu kota Indonesia itu,

saya menikmati kuliah-kuliah berat di STF, termasuk kuliah F. Budi Hardiman yang merupakan salah seorang pengajarnya. Di sinilah saya mula memanggil beliau “Pak Franky,” meniru panggilan hormat pelajarnya yang lain, termasuk Martin Suryajaya yang kini penulis prolifik di Indonesia.

Walaupun saya tinggal di Ciputat agar dekat dengan Azyumardi Azra yang membimbing penyelidikan API, perjalanan ke STF di Rawasari bukan mudah. Kesesakan lalu lintas Jakarta, dengan bunyi kenderaan ibarat pekikan muzik metal yang huru-hara, merupakan ujian fizikal dan mental. Namun, tarikan kuliah F. Budi Hardiman jauh lebih kuat. Ritual perjalanan yang meleihkan itu rela ditempuh kerana setiap kuliah di STF seperti membuka pintu-pintu ke dunia baharu.

F. Budi Hardiman tidak hanya mengajar, tetapi mencipta ruang sokratik, yakni setiap pelajar digalakkan bertanya, mencabar dan merenung. Dari Sokrates yang mempersoalkan segala-galanya, hingga Richard Rorty yang merayakan pragmatisme, penghujung kuliahnya mendedahkan dua alur besar dalam falsafah politik: Individualisme yang menyanjung kebebasan individu, dan kolektivisme yang merayakan kuasa bersama. Kedua-dua alur ini sering menyamar dalam pelbagai jelmaan ideologi—daripada kapitalisme kepada komunisme, liberalisme kepada komunitarianisme, dan eksistensialisme kepada sosialisme.

Dengan kepetahan intelektualnya, F. Budi Hardiman perlahan-lahan menanggalkan topeng ideologi ini, mendedahkan bagaimana idea yang kelihatan berbeza sering berkongsi akar yang sama. Pengalaman ini menjadi titik balik dalam pemikiran saya tentang politik. Alam politik tidak lagi dilihat sekadar permainan kuasa atau institusi, tetapi sebagai interaksi manusia yang penuh dengan emosi, harapan, malahan ketakutan. Walaupun selepas meninggalkan Indonesia, komunikasi dengan F. Budi Hardiman terbatas, pengetahuan yang diperturukannya terus berguna dalam mewaraskan cara berfikir tentang politik.

Lebih sedekad kemudian, ketika dunia bergelut dengan pandemik koronavirus, idea untuk sebuah buku tentang ‘politik dan massa’ mula mengambil bentuk. Benih idea yang ditanam di Jalan Malioboro semasa mencari baju batik kini membuahkan *Jiwa Kolektif*.

Dari Rahim Pandemik

Siri kuliah maya pada 2022 menjadi rahim kepada *Jiwa Kolektif*. Pada masa itu, sekatan pergerakan akibat pandemik masih berlaku, baik antara negeri mahupun ke luar negara. Namun, sekatan ini membawa rahmat tersendiri. Pandemik yang awalnya dianggap sebagai hambatan yang memisahkan, rupanya boleh menjadi peluang untuk menyambungkan apa yang tidak terjangka.

Pertama, teknologi komunikasi memungkinkan F. Budi Hardiman berhubung dengan khalayak Malaysia, melintasi sempadan geografi. Ketika itu, kita dipaksa lebih kreatif dalam meninjau cara baharu agar tidak terikat dengan pendekatan dan teknologi pengajaran lama. Semasa zaman diwajibkan suntikan vaksin, pemakaian pelitup muka, dan penjarakan fizikal; kuliah maya bukan lagi pilihan. Kemestian kuliah maya ketika itu memungkinkan pembelajaran rentas sempadan, ironinya ketika semua pintu sempadan ditutup.

Kedua, pandemik mendorong kita memikirkan semula bagaimana ketakutan terhadap coronavirus mencagarkan kebebasan kita. Inilah yang diperingatkan oleh Thomas Hobbes bahawa ketakutan boleh membawa manusia menyerahkan autonomi mereka kepada '*Leviathan*'—sama ada kepada negara, sistem kesihatan, atau ketakutan itu sendiri.¹ Dalam ketidakpastian pandemik, kita menyaksikan individu rela mengorbankan kebebasan demi rasa selamat, fenomena yang selari dengan perbincangan tentang massa dalam naskhah ini.

Jiwa Kolektif adalah hasil siri kuliah maya semasa pandemik tersebut yang telah disunting sebaiknya agar sesuai tampil sebagai buku. Penyuntingan melibatkan penyelarasan susunan kuliah agar seragam, serta pengalihbahasaan ke dalam bahasa Melayu Malaysia. Perbincangan yang bertindih diringkas tanpa terlalu mengorbankan gaya asal kuliah. Pengenalan dan penutup divedok daripada bahagian tertentu kuliah, lalu disunting, agar manuskrip ini tampil sebagai buku yang utuh. Beberapa istilah keinggerisan yang dipakai dalam Bahasa Indonesia dikekalkan, meskipun ada padanan dalam Bahasa Melayu. Selain itu, setiap kutipan, kerana jumlahnya tidak banyak, dapat dibekalkan sumber aslinya, meniru apa yang dilakukan oleh

1 Thomas Hobbes, *Leviathan*, ed. C. B. Macpherson (London: Penguin Books, 1968), 186.

Farish A. Noor dalam *Islam Embedded*.² Setiap terjemahan dalam kutipan tersebut adalah milik pengarang. Glosari turut disediakan sebagai bahan bantu untuk memahami kosa kata yang mungkin asing—khususnya daripada bahasa Jerman yang merupakan nuansa ketara dalam buku ini—bagi sesetengah pembaca. Pada beberapa tempat, terjemahan kosa kata Jerman ini diabaikan dengan harapan glosari sudah membantu. Pokoknya, *Jiwa Kolektif*, walaupun karyanya untuk khalayak terbanyak, tetap berusaha mengekalkan inti intelektual agar kandungannya merangsang daya fikir pembaca.

Naratif Massa

Sebagai penyunting dan penyelaras siri kuliah, saya melihat *Jiwa Kolektif* sebagai percubaan pertama untuk memperkenalkan pemikiran F. Budi Hardiman kepada khalayak Malaysia. Di Indonesia, filsuf ini telah menghasilkan pelbagai karya, termasuk *Kritik Ideologi: Pertautan Pengetahuan dan Kepentingan* (berdasarkan skripsi prasiswazahnya), *Demokrasi Deliberatif: Menimbang Negara Hukum dan Ruang Publik dalam Teori Diskursus Jürgen Habermas* (berdasarkan tesis sarjananya) dan *Memahami Negativitas: Diskursus tentang Massa, Teror, dan Trauma* (berdasarkan disertasi doktoralnya). Beliau juga memperkenalkan pemikiran Martin Heidegger melalui *Heidegger dan Mistik Keseharian: Suatu Pengantar Menuju Sein und Zeit*. Mutakhir ini, beliau menerbitkan *Aku Klik Maka Aku Ada dan Kebenaran dan Para Kritikusnya: Mengulik Idea Besar yang Memandu Zaman Kita*, selain menyunting buku *Filsafat Maut*.

Sebagai alumnus Hochschule für Philosophie München, F. Budi Hardiman dalam *Jiwa Kolektif* menawarkan pandangan segar tentang fenomena massa daripada pelbagai dimensi—epistemologi, psikologi, antropologi, dan politik. Namun, buku ini disusun secara sederhana agar sesuai untuk pendidik, pelajar, aktivis, politikus, dan sesiapa yang ingin memahami dinamik massa. Terinspirasi daripada format *Introduction to Systems Theory* oleh Niklas Luhmann,³ yang terhasil

2 Farish A. Noor, *Islam Embedded: The Historical Development of the Pan-Malaysian Islamic Party PAS (1951–2003)* (Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute, 2004).

3 Niklas Luhmann, *Introduction to Systems Theory*, terj. Peter Gilgen (Cambridge: Polity Press, 2012).

daripada transkripsi kuliah sosiologinya di Universität Bielefeld, buku ini mengambil pendekatan serupa. Justeru, adalah tidak hairan dalam beberapa keadaan, para pembaca yang teliti akan mengesan penggunaan kata diri pertama dalam naskhah ini.

Untuk mengelakkan kekakuan akademik, rujukan hanya dimasukkan untuk petikan langsung sahaja, selainnya dinyatakan secara bebas dalam teks. Pendekatan ini diambil kerana kupasan setiap tokoh dalam *Jiwa Kolektif* didasarkan pada buku utamanya, misalnya Simmel lewat *Soziologie*, Broch menerusi *Massenwahntheorie* dan *Die Schlafwandler*, Canetti melalui *Masse und Macht*, dan Arendt berpandu *Elemente und Ursprünge totaler Herrschaft* dan *Vita activa*. Dengan itu, *Jiwa Kolektif* boleh dianggap bersifat separa akademik—tidak terlalu kaku, tetapi tetap berwibawa.

Dengan menumpu perbincangan kepada empat filsuf, buku ini membimbing pembaca dalam membedah kerumitan massa secara terarah. Massa boleh wujud dalam bentuk perhimpunan besar, seperti “*Great Leap Forward*” Mao Zedong, atau keriuhan tular di media sosial. Kedua-duanya mampu menawan alam bawah sedar kita: Daripada menyerahkan nyawa kepada perjuangan ideologi hingga mengha-nyutkan fikiran dalam euforia digital.

Fenomena massa ini, walaupun tampak nyata dalam kerumunan bersemuka, tetap sukar diramal. Untuk menggambarkan dinamikanya, kita boleh meminjam metafora Christian Borch dalam *Social Avalanche: Crowds, Cities and Financial Markets*, yang berujar, “*Crowds are like avalanches: They can be triggered by small events, but once set in motion, they develop a dynamic of their own, often with dramatic consequences.*”⁴ Metafora ini selari dengan pendekatan *Jiwa Kolektif* yang melihat massa sebagai kerumunan yang mampu mengubah wajah sosial dalam segaris halilintar.

Menariknya, Borch mengenali F. Budi Hardiman yang juga pengarang *Masse und totalitäre Herrschaft: Eine kritische Überprüfung der Texte von Georg Simmel, Hermann Broch, Elias Canetti und Hannah Arendt*.⁵

4 Christian Borch, *Social Avalanche: Crowds, Cities and Financial Markets* (Cambridge: Cambridge University Press, 2020), 3.

5 F. Budi Hardiman, *Die Herrschaft Der Gleichen: Masse Und Totalitäre Herrschaft. Eine Kritische Überprüfung Der Texte von Georg Simmel, Hermann Broch, Elias Canetti Und Hannah Arendt* (Frankfurt am Main: Peter Lang, 2001).

Dalam komunikasi peribadi saya dengannya sebelum ini, Borch menyatakan kekagumannya terhadap karya F. Budi Hardiman ini, apatah lagi karya falsafah ini ditulis oleh seorang Indonesia—yang memang tidak disangkanya—dalam bahasa Jerman. Bahkan, Borch turut merujuk karya tersebut dalam *The Politics of Crowds: An Alternative History of Sociology*.⁶ Karya F. Budi Hardiman tersebut menjadi cikal bakal *Jiwa Kolektif* kerana membincangkan tokoh dan tema yang sama. Bezanya, *Jiwa Kolektif* menawarkan pintu masuk yang lebih mudah untuk membongkar fenomena massa tanpa perlu bergelut dengan teks Jerman yang padat. Bagi mereka yang pernah menekuni kepadatan teks pemikir Jerman (walaupun dalam bahasa Inggeris), seperti Habermas dan Luhmann, tentu maklum benar dengan ungkapan ‘sebeban ayat’.

Massa sebagai Longsoran Salji

Menggambarkan massa sebagai longsoran salji, seperti yang diutarakan oleh Borch, menangkap sifatnya yang sukar ditebak. Longsoran boleh bermula dengan getar kecil—satu kicauan, protes, atau panik—tetapi mampu meruntuhkan segalanya, seperti ungkapan Borch: “*The avalanche metaphor captures the sudden, overwhelming, and often uncontrollable nature of crowd dynamics, where minor triggers can lead to major transformations.*”⁷ Sama ada *fashion* di kota besar, *imitation* di pasaran kewangan, atau *mood* di stadium, massa mempunyai kuasa tersendiri, melampaui kehendak individu dan mencipta realiti baharu yang tidak terduga.

Dalam *Jiwa Kolektif*, kuasa ini terserlah melalui pemikiran Elias Canetti. Dalam tiga datum antropologi, Canetti menerangkan bagaimana individu meluruhkan ketakutan peribadi dan hanyut dalam kerumunan. Canetti menulis, “*In the crowd the individual feels that he is transcending the limits of his own person.*”⁸ F. Budi Hardiman menghubungkan naluri purba ini dengan realiti moden, seperti amarah protes di lapangan aksi atau amukan digital di media sosial. Massa, dalam pandangan ini, adalah kuasa mentah yang bermata dua:

6 Christian Borch, *The Politics of Crowds: An Alternative History of Sociology* (Cambridge: Cambridge University Press, 2012).

7 Christian Borch, *Social Avalanche*, 15.

8 Elias Canetti, *Crowds and Power*, terj. Carol Stewart (London: Gollancz, 1962), 17.

Mampu membina atau memusnah, bergantung kepada bagaiamananya dihalakan.

Kendati begitu, F. Budi Hardiman tidak berhenti di permukaan. Melalui Canetti, beliau menyingkap akar antropologi massa yang masih menghantui manusia moden. Dalam dunia penuh ketidakpastian—daripada krisis ekonomi hingga konflik politik—massa terpampang sebagai jiwa manusia yang bergelut antara kebebasan dan ketaatan. Apakah pencetus longsor ini? Mungkin bantahan terhadap ketidakadilan, atau sekadar kerinduan untuk menjadi sebahagian daripada sesuatu yang lebih besar.

Georg Simmel turut memperumitkan perbincangan. Dengan konsep *Wechselwirkung* (interaksi timbal-balik), Simmel menunjukkan bagaimana interaksi sosial membentuk kesedaran kolektif yang boleh mencetuskan perubahan mendadak: “*Society is merely the name for a number of individuals, connected by interaction.*”⁹ Jika Borch melihat bandar sebagai pusat kerumunan, Simmel melihat proses kognitif—pengkategorian, nilai lebih individu, kesetaraan dan kesamaan, serta keharmonian sosial sedia ada—sebagai ‘salji’ yang bergumpal sebelum longsor. F. Budi Hardiman cerdas menghubungkan idea ini dengan era digital, apabila sesuatu yang tular boleh menggalang individu tanpa nama menjadi massa maya yang menggugat kekuasaan politik. Namun, seperti longsor, massa ini pohn dan boleh terburai secepatnya terbentuk. Ini meninggalkan persoalan: Ke mana arah longsor ini akan membawa kita?

Massa sebagai Alat Politik

Massa bukan sekadar fenomena sosial, tetapi juga alat politik yang berkuasa. Dalam *The Politics of Crowds*, Borch menunjukkan bagaimana massa menjadi hamparan ketakutan dan harapan masyarakat: “*Crowds have always been a site of both fear and fascination, embodying the potential for both democratic emancipation and destructive violence.*”¹⁰ Setiap era menghasilkan naratif massa yang mencerminkan cabaran politiknya: Daripada Revolusi Perancis hingga kebangkitan totalitarianisme. Dalam konteks ini, massa bukan sahaja dipersembahkan dalam

9 Georg Simmel, *On Individuality and Social Forms: Selected Writings*, ed. Donald N. Levine (Chicago: University of Chicago Press, 1971), 23.

10 Christian Borch, *The Politics of Crowds*, 2.

tindakan politik, tetapi turut diperagakan sebagai jiwa kolektif yang terus berevolusi.

F. Budi Hardiman, dalam *Jiwa Kolektif*, mengambil pendekatan serupa tetapi dengan kepekaan berbeza. Dengan merujuk Simmel, Broch, Canetti, dan Arendt—yang hampir kesemuanya dihantui pengalaman Holocaust—beliau menempatkan massa dalam konteks trauma sejarah. Keempat-empat pemikir Yahudi ini mengusung perspektif ‘mangsa’—atau ‘korban’ menurut istilah F. Budi Hardiman—yang memperkaya analisis mereka. Pengalaman di bawah tempurung Nazi terserlah melalui keseragaman massa, menjadikan *Jiwa Kolektif* bukan sekadar pembelajaran masa lalu, tetapi peringatan sejarah untuk menyuluh masa depan.

Hannah Arendt menawarkan pandangan paling tajam tentang massa dalam perkaitannya dengan politik. Menerusi *The Origins of Totalitarianism*, Arendt menghubungkan massa dengan kemunculan totalitarianisme: “*Totalitarian movements are possible wherever there are masses who for one reason or another have acquired the appetite for political organization.*”¹¹ F. Budi Hardiman menunjukkan bagaimana Arendt membezakan massa dengan kelompok, mendiagnosisnya sebagai ‘penyakit’ yang memamah ruang awam (*res publica*). Bagi Arendt, massa merujuk kepada perkumpulan individu, tidak kira jumlahnya, lazimnya bersifat spontan, dan sulit untuk dipautkan kepada mana-mana organisasi rasmi. Dalam kata lain, massa adalah fenomena moden yang menghimpunkan individu yang terasing sesamanya hingga mudah dimanipulasi oleh ideologi yang bersifat totalitarianisme.¹²

Perspektif negatif ini selari dengan sosiologi klasik, khususnya pemikiran Gustave Le Bon yang memandang massa sebagai ancaman kepada demokrasi. Dalam hal ini, Le Bon memandang massa boleh diperalatkan oleh pemimpin kuku besi. Malah, ahli psikologi massa Perancis ini menyifatkan massa sebagai ‘barbarik’ dan mudah terjerumus ke dalam keadaan yang tidak terkawal hingga boleh bertindak seperti ‘kawanan haiwan’.¹³ Namun Arendt, melalui tafsiran F. Budi

11 Hannah Arendt, *The Origins of Totalitarianism* (New York: Harcourt Brace Jovanovich, 1973), 311.

12 Hannah Arendt, *The Origins of Totalitarianism*, 311.

13 Gustave Le Bon, *The Crowd: A Study of the Popular Mind*, 2nd ed. (New York: Dover Publications, 2002)

Hardiman, menawarkan harapan melalui *Handeln*—tindakan bersama dalam ruang awam—yang boleh menyelamatkan kemanusiaan daripada dehumanisasi.¹⁴

Kemudian Hermann Broch, dengan pengaruh Sigmund Freud, turut menyelami dimensi psikologi massa. Melalui *Massenwahntheorie*, Broch menggambarkan massa sebagai pelarian daripada ketakutan metafizik—ketakutan terhadap kematian yang mendorong individu menyerahkan ego demi khayalan keselamatan. F. Budi Hardiman menghubungkan dambaan khayalan ini dengan gerakan radikal agama atau populisme ultrakanan (juga ultrakiri) yang menawarkan kepastian di tengah ketidakpastian. Dalam dunia maya yang hingar dan dunia nyata yang sibuk, Broch mungkin akan bertanya: Adakah manusia benar-benar bebas, atau hakikatnya terperangkap dalam delusi kolektif?

Massa Digital

Kekuatan *Jiwa Kolektif* terletak pada keupayaannya menghubungkan falsafah dengan cabaran semasa. Dewasa ini, dengan teknologi digital dan jaringan ketersambungannya, massa lebih mudah terbentuk melampaui apa yang dibayangkan. Massa tidak lagi terbatas pada kerumunan fizikal, tetapi juga kerumunan maya. Malah, berdasarkan beberapa perubahan politik, alam maya terbukti menjadi pemicu yang bermakna. Dalam Revolusi Mesir 2011, Dataran Tahrir hanyalah simbolisme, tetapi wahana internet menjadi bayang-bayang kolektifnya. Jeffrey C. Alexander menulis dengan cerdas lewat *Performative Revolution in Egypt: An Essay in Cultural Power*, menjelaskan angin perubahan menggelegak lebih awal dalam massa digital.¹⁵

Kepantasan massa digital ini mewarnai perkembangan masyarakat dewasa ini. Hartmut Rosa memanggil fenomena ini “*the acceleration*

14 Dewasa ini, terdapat beberapa pemikir yang menawarkan konotasi positif terhadap konsep massa seperti Hans Ulrich Gumbrecht, John Drury dan Stephen Reicher.

15 Jeffrey C. Alexander, *Performative Revolution in Egypt: An Essay in Cultural Power* (London: Bloomsbury Academic, 2011).

of society,”¹⁶ manakala Roger Brubaker menyebutnya “*hyperconnectivity*.”¹⁷ Dalam dunia yang sentiasa bergulir, dengan maklumat mengalir lebih pantas daripada kemampuan fikiran memproses, massa digital menjadi lebih berharga, amat bertenaga, tetapi tidak terduga. F. Budi Hardiman, dengan merujuk Simmel, Broch, Canetti, dan Arendt, tidak ketinggalan meluaskan aplikasi wacana ke ruang maya—menjadikan buku ini panduan untuk mengamati dunia digital yang semakin terpecar.

Dalam persoalan massa digital, F. Budi Hardiman telah meneliti bagaimana pelantar media sosial mengubah wajah massa, seperti yang dibincangkannya dalam *Aku Klik Maka Aku Ada*.¹⁸ Simmel mungkin melihat tanda pagar sebagai *tertium comparationis*, menyatukan pengguna tanpa nama sambil melebur keunikan individu. Broch mungkin memperingat tentang *Dämmerzustand* digital—keadaan remang-remang ketika emosi kolektif mengatasi nalar, seperti dalam kempen boikot atau serangan siber. Canetti mungkin mengaitkan fenomena tular dengan tiga datum antropologi, apabila individu bersatu untuk mengharung banjir maklumat. Arendt pula boleh menunjukkan bagaimana algoritma menghakis ruang awam, membuka jalan kepada totalitarianisme baharu melalui manipulasi data.

Daripada keempat-empat filsuf yang dibicarakan, semua memberi perhatian kepada massa sebagai peranti dalam melebarkan lagi kedangkalan. Selain itu, mereka turut menunjukkan lorong-lorong gelap sebuah kerumunan yang tangan-tangannya jauh menjangkau massa digital. Namun, F. Budi Hardiman merumuskan bahawa dunia maya bukan sekadar peranti, tetapi adalah bayang-bayang kita sendiri: Wajah individu sentiasa memantulkan balik wajah kolektif. Ternyata, tatkala kita bangga merasa merdeka diri, kuasa massa sentiasa memerhati. Kita bernasib baik, *Jiwa Kolektif* hadir menyelak tabir mendedahkan wajah massa yang mengintai-intai sedia menerkam.

16 Hartmut Rosa, *Social Acceleration: A New Theory of Modernity*, terj. Jonathan Trejo-Mathys (New York: Columbia University Press, 2013).

17 Rogers Brubaker, *Hyperconnectivity and Its Discontents* (Cambridge: Polity Press, 2022).

18 F. Budi Hardiman, *Aku Klik Maka Aku Ada* (Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, 2022).

Kesimpulan

Membaca *Jiwa Kolektif* membawa kita menghargai kepelbagaian perspektif. Sumbangan terbesar F. Budi Hardiman ialah menyatukan aneka pendekatan ini ke dalam naratif yang memikat. Seperti Christian Borch yang melihat massa sebagai fenomena yang meresap dalam kehidupan moden, F. Budi Hardiman menunjukkan bahawa fenomena massa memerlukan pendekatan menyeluruh; epistemologi, psikologi, antropologi dan politik. Buku ini bukan sekadar coretan falsafah, tetapi catatan kritis terhadap 'semangat zaman'.

Sebagai teks separa akademik, *Jiwa Kolektif* mengajak kita bertanya: Bagaimanakah memanfaatkan kerumunan untuk kemaslahatan, bukan kemudaran? Bagi pembaca yang gemar perumitan, kita tidak digalakkan sekadar bersetuju dengan F. Budi Hardiman. Sebaliknya, wajar mencabar, menguji, dan menerapkannya dalam dunia nyata. Dalam gelora ketidakpastian, *Jiwa Kolektif* adalah karya pelopor yang mengistimewakan diri kita biarpun terpaku dalam kerumunan. Jika *keadilan* bererti meletakkan sesuatu pada tempatnya, maka *keadilan* untuk naskhah ini ialah disambut dengan wacana sengit di kalangan pendidik, pelajar, aktivis, politikus, dan sesiapa sahaja yang tertanya: Ada apa dengan massa?

Ramze Endut

Felo Penyelidik

Institut Kajian Etnik (KITA)

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

1

DINAMIKA KOLEKTIF MANUSIA

Perbahasan mengenai motivasi manusia memilih bergabung dalam massa (*masse*) bukan sekadar wacana biasa. Dalam falsafah, wacana massa jauh lebih rumit berbanding berpuas hati sebatas faktor-faktor permukaannya sahaja; fikiran, kehendak, perasaan adalah hal-hal yang bukan bersifat penampakan. Malah, wacana massa adalah pergelutan intelektual berzaman yang menuntut pengamatan menyeluruh merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Fenomena massa sering digambarkan dalam naratif ringkas: Sebagai pengaruh kuasa politik, pemangkin perubahan sosial, atau ancaman terhadap status quo. Namun, gambaran ini cenderung dangkal, hanya menangkap ombak massa tanpa menyelami arus bawah di sebalik fenomena tersebut.

Justeru, persoalan yang sering diabaikan ialah: Apakah yang bermain dalam jiwa manusia ketika mereka menyatu dalam massa? Apakah ada naluri terdalam hingga manusia sanggup melepaskan identiti individu demi identiti kolektif? Apakah dengan memiliki identiti kolektif semata sudah memadai untuk membentuk tatanan sosial yang sempurna?

Untuk menjawab deretan soalan ini, analisis konvensional tidak mencukupi. Oleh itu, kita perlu meneroka faktor-faktor yang mendahului dan melampaui permukaan massa, serta mempertimbangkan implikasinya dalam dunia moden dewasa ini.

Berdasarkan kerangka yang dipaparkan ini, jelas sekali massa bukan sekadar sekumpulan orang yang berhimpun secara fizikal atau digital. Massa, dalam konteks ini, merupakan manifestasi kompleks sifat manusia hasil gabungan serentak harapan, ketakutan, dan keinginan yang terpendam demi menjadi sebahagian daripada sesuatu yang lebih besar daripada dirinya sendiri. Individu dalam massa sering mengalami transformasi psikologi yang ketara, walaupun tidak selalunya mendadak. Kemandirian mereka—sebagai individu yang asalnya bersifat merdeka diri—diwakili dengan fikiran dan tindakan kelompok. Dalam kata lain, menerusi kuasa massa, jiwa individu beralih menjadi jiwa kolektif.

Fenomena Massa

Fenomena massa tidak lekang daripada proses evolusinya. Massa boleh berubah menjadi suatu kekuatan sama ada positif mahupun negatif. Proses perubahan ini dikenali sebagai massifikasi (*Vermassung*); suatu proses yang menuntut huraian lanjut menerusi pelbagai bidang pengetahuan lantaran implikasinya terhadap pelbagai dimensi kehidupan manusia. Maka, massa bukan hanya fenomena sosial, tetapi juga imbasan kerumitan jiwa manusia. Apatah lagi, dorongan untuk memiliki identiti kolektif boleh membawa akibat yang membina atau memusnah, bergantung pada haluan yang dibentuknya.

Untuk memastikan perbincangan ini terarah dan bermakna, kita perlu lebih awal menetapkan sempadan jelas tentang maksud ‘massa’. Dalam konteks ini, massa merujuk kepada perkumpulan yang cenderung totaliter, seperti gerakan populisme ultrakanan atau ultrakiri, gerakan radikal keagamaan, dan gerakan antidemokrasi. Gerakan-gerakan ini ditandai oleh pembentukan identiti kolektif yang kuat—sering kali berdasarkan kaum, agama, atau ideologi—yang meleburkan perbezaan individu ke dalam kesatuan yang seragam dan tunggal.

Begitu juga massa tidak semata-mata terhad kepada aksi fizikal seperti demonstrasi jalanan atau protes besar-besaran. Lebih daripada itu, massa juga terjelma dalam ruang digital, seperti kempen boikot, serangan siber, atau menyebarkan maklumat palsu. Kemajuan teknologi telah memperhebat fenomena ini hingga memudahkan mobilisasi massa dengan kepantasan dan liputan skala yang belum

pernah terjadi sebelumnya. Media sosial, misalnya, bukan sahaja memungkinkan penyebaran ideologi secara meluas, tetapi juga mencipta ruang untuk memancing emosi kolektif, sekaligus memacu dinamika massa ke tahap lebih radikal.

Namun, sebelum kita melangkah lebih jauh dalam membahaskan perihal massa, adalah wajar di peringkat awal ini diperbandingkan dahulu konsep massa dengan beberapa kategori sosial lain. Dalam wacana sosiologi, istilah selain massa, seperti kumpulan (*Gruppe*), kelompok (*Gemeinschaft*), masyarakat (*Gesellschaft*), kerumunan (*Menschenmenge*), dan rakyat (*Volk*) masing-masing merujuk kepada perbezaan dalam tahap organisasi, ikatan sosial, dan konteks penggunaan. Misalnya, kategori massa ditakrifkan sebagai entiti tidak terstruktur dan cenderung totaliter, manakala kategori kumpulan pula lebih bersifat strategik berorientasikan tujuan tertentu. Selain itu, kategori kelompok sangat berkait rapat dengan identiti kolektif, sementara kategori masyarakat pula adalah gabungan pelbagai sistem sosial. Di samping itu, kategori kerumunan kerap dianggap sebagai bersifat sementara, spontan dan ini kadang kala bersilang dengan kategori massa. Akhirnya, kategori rakyat sentiasa dihubungkan dengan identiti kebangsaan. Lantas, memahami perbezaan setiap kategori ini tentunya membantu kita dalam meletakkan konsep massa pada penggunaan yang betul.

Namun, sekiranya konsep massa sudah memadai untuk menjelaskan kecenderungan totaliter yang terdapat dalam masyarakat, maka mengapa perlunya pengenalan konsep jiwa kolektif? Pertanyaan ini tepat, justeru menuntut jawapan yang setanding. Hakikatnya, konsep jiwa kolektif tidak terbatas dalam satu-satu kategori semata. Jiwa kolektif boleh terjelma dalam mana-mana kategori sosial asalkan melibatkan ikatan nilai bersama. Dalam kata lain, jiwa kolektif secara tidak langsung merujuk kepada ‘keamatan ritual’ (*rituale der Intensität*)¹ yang terdapat dalam kategori-kategori tersebut. Dalam konteks ini, jiwa kolektif dalam massa boleh dibayangkan sebagai panutan ideologi—secara sedar atau sebaliknya—yang merangkul seramai mungkin manusia. Malah, keyakinan terhadap ideologi ini boleh mengundang bahaya hingga kadar keamatannya boleh membawa—meminjam frasa

1 Hans Ulrich Gumbrecht, *Crowds: Das Stadion als Ritual von Intensität*, Klostermann Essay 5 (Frankfurt am Main: Verlag Vittorio Klostermann, 2020).

Hannah Arendt—kepada ‘kedangkalan kejahatan’ (*die Banalität des Bösen*) setelah dipicu sebelumnya oleh proses massifikasi.

Dalam wacana sosiologi, ada beberapa istilah yang semirip dengan jiwa kolektif. Ini termasuklah idea ‘*conscience collective*’ oleh Émile Durkheim yang merujuk kepada ikatan moral dan sosial yang memautkan masyarakat melalui suatu set nilai bersama. Begitu juga dengan idea ‘*collective self*’ oleh Marilynn Brewer dan Wendi Gardner yang bertujuan untuk memperkasakan struktur kumpulan, sekaligus membezakan kumpulannya dengan kumpulan yang lain. Dalam hal ini, jiwa kolektif diperkenalkan sebagai suatu set nilai bersama tetapi ditempatkan dalam kerangka massa.

Walau bagaimanapun, seperti yang dijelaskan sebelum ini, dinamika setiap kategori sosial itu menjadi kayu ukur terpenting kepada keamatan jiwa kolektifnya. Dalam massa, dinamikanya boleh diceraikan menerusi perbezaannya dengan gerakan masyarakat warga (*Zivilgesellschaft*). Dalam konteks ini, kedua-duanya—massa dan masyarakat warga—melibatkan kumpulan individu yang berkongsi matlamat tertentu.

Lazimnya, gerakan masyarakat warga bertindak berasaskan kesedaran individu yang tinggi berpandu pada prinsip demokrasi, hak asasi manusia, dan negara hukum. Manakala massa pula boleh terbentuk natijah daripada keadaan yang cenderung totaliter biarpun pada tahap awal pembentukannya merupakan sebuah gerakan masyarakat warga yang bebas.

Dalam sejarah, pengalaman gerakan mahasiswa di Indonesia pada tahun 1998—yang menuntut reformasi pada ambang kejatuhan rejim Suharto—merupakan manifestasi kebangkitan masyarakat warga. Gerakan masyarakat warga ini didorong oleh kesedaran tentang hak perlembagaan, keinginan untuk membina masyarakat lebih adil, dan komitmen terhadap perubahan terencana. Sebaliknya, pada masa yang sama, Indonesia juga menyaksikan gelombang massa yang lebih homogen dan emosional, seperti kerusuhan Mei 1998 hingga membawa keganasan, kemusnahan harta benda, dan penderitaan manusia. Perbezaan ini menunjukkan bahawa—walaupun kedua-dua jenis gerakan ini boleh dicetuskan oleh ketidakpuasan terhadap status quo—pendekatan dan akibatnya amat berbeza.

Selain itu, gerakan masyarakat warga cenderung mengekalkan kemajmukan dan menghormati keunikan individu, manakala massa pula bergerak ke arah keseragaman dan ketunggalan. Dalam konteks ini, massifikasi ialah proses yang menyaksikan individu kehilangan keperibadian mereka dan terpukau dalam ikatan identiti kolektif. Proses ini sering disemarakkan oleh tarikan emosi yang kuat atau panutan ideologi yang menyeluruh, melibatkan dua fenomena utama: nyahpersonalisasi (*Entpersönlichung*), iaitu lenyapnya ego individu ke dalam kerumunan (*crowds*), dan pemerosotan (*Nivellierung*), iaitu penurunan kualiti ego individu ke tahap paling umum.

Akibatnya, individu yang awalnya berkesedaran menjadi terikat kepada tindakan kolektif yang bersifat diskriminatif, keras, atau ganas terhadap mereka yang dianggap berada di luar kelompoknya. Oleh itu, konsep massa sering disandarkan dengan tindakan yang membencanakan, seperti kekerasan terhadap kelompok minoriti atau penindasan terhadap suara yang berbeza.

Belajar daripada Sejarah

Sejarah memberikan rakaman yang jelas bagaimana kesan massifikasi terhadap sesebuah negara. Salah satu contohnya ialah tindakan rejim Nazi di Jerman menggunakan fahaman kaum untuk mencipta identiti Aryan seragam, menunggalkan kepelbagaian individu demi impian kolektif. Propaganda rejim ini, termasuk filem, poster, dan pidato Adolf Hitler, berjaya memanipulasi emosi massa—seperti ketakutan dan kebencian terhadap orang luar—demi membina kesetiaan buta. Tindakan ini akhirnya membawa kepada kekejaman Holocaust, dengan genosid terhadap jutaan orang Yahudi, Romani, dan kelompok lain yang dianggap ‘tidak layak hidup’ melalui kem konsentrasi seperti Auschwitz, Dachau, Buchenwald, dan Sobibór.

Lantas, nyahpersonalisasi berlaku apabila rakyat Jerman kehilangan identiti peribadi mereka, melihat diri mereka sebagai sebahagian daripada bangsa Aryan yang unggul. Pemerosotan pula terlihat dalam penurunan nilai kemanusiaan, sehingga tindakan seperti pengusiran dan pembunuhan menjadi wajar demi ‘pembersihan etnik’. Akibatnya, Holocaust bukan sahaja menamatkan jutaan nyawa, tetapi juga meninggalkan trauma bukan kepalang, menunjukkan kuasa massifikasi dalam menghancurkan-leburkan sesebuah negara.

Gerakan radikal keagamaan juga menunjukkan proses massifikasi serupa. Kelompok ekstremis seperti al-Qaeda atau ISIS menggunakan tafsiran agama sempit untuk menyatukan pengikut mereka yang merentasi negara, lalu mencipta identiti kolektif yang jumud. Individu dalam gerakan ini didorong mengorbankan keunikan peribadi demi seruan ‘jihad’ atau ‘negara agama’ dambaan mereka. Propaganda, termasuk video dan naratif kiamat, memanipulasi emosi—seperti ketakutan dan kemarahan—untuk memperkuat keimanan kepada kelompok, selain menghapuskan ruang percambahan pemikiran kritis.

Lantaran itu, nyahpersonalisasi berlaku apabila pengikut kehilangan identiti peribadi mereka, menganggap kelompoknya sebagai ‘pejuang sebenar agama’. Pemerosotan pula terlihat dalam penurunan nilai kemanusiaan individu ke tahap kesetiaan buta, hingga tindakan keganasan seperti serangan berani mati atau pembunuhan dianggap wajar demi kebenaran ‘akidah’. Akibatnya, radikalisme keagamaan ini menghasilkan penderitaan meluas, termasuk kematian ribuan orang yang tidak berdosa dan menggugat ketenteraman awam di pelbagai wilayah dan negara.

Masih dalam persoalan massifikasi, Revolusi Kebudayaan (*Kultur-revolution*) di China di bawah pimpinan Mao Zedong (1966–1976) juga antara gambaran yang tepat. Revolusi ini bertujuan ‘memurnikan’ ideologi komunis dengan menghapuskan unsur kapitalis dan tradisional, tetapi dalam pelaksanaannya, membentuk massifikasi. Mao menggalang jutaan rakyat, terutamanya golongan muda yang dikenali sebagai Pengawal Merah, untuk merealisasikan impian komunisme. Melalui propaganda—lagu-lagu revolusioner, dan kempen seperti ‘Hapuskan Empat Lama’ (kebudayaan lama, adat lama, tabiat lama, dan pemikiran lama)—individu dipaksa mengorbankan identiti peribadi demi mematuhi ideologi kolektif yang ditetapkan Parti Komunis.

Dalam contoh ini, nyahpersonalisasi berlaku apabila individu, terutama golongan muda, kehilangan kebebasan berfikir kritis lalu larut dalam emosi kolektif yang memuji Mao sebagai pemimpin yang tidak boleh dipersoalkan. Pemerosotan pula terlihat dalam penurunan nilai individu ke tahap fanatik, sehingga perbuatan seperti penghinnaan terhadap tokoh masyarakat, penganiayaan terhadap musuh, dan pemusnahan warisan budaya dianggap wajar demi cita-cita revolusi. Akibatnya, Revolusi Kebudayaan menyebabkan kekacauan masyarakat,

kematian jutaan orang, dan penderitaan meluas, menunjukkan bagaimana massifikasi lewat Maoisme boleh berdampak negatif.

Dalam ketiga-tiga kes ini—Nazisme, radikalisme keagamaan, dan Maoisme—individu mengalami transformasi psikologi ketara. Keunikan peribadi mereka dikorbankan demi kepentingan massa, sekaligus menghapuskan autonomi individu dan memungkinkan tindakan yang zalim seperti diskriminasi kaum, pengusiran sistematik, atau keganasan terhadap kelompok dianggap sebagai asing.

Persoalan yang timbul ialah: Adakah gerakan masyarakat warga benar-benar bebas daripada risiko massifikasi? Walaupun gerakan masyarakat warga menekankan kesedaran individu dan kemajmukan, mereka ternyata tidak sepenuhnya kebal daripada dinamika massa, terutamanya dalam kemelut sosial atau politik yang tidak terkawal. Semasa peralihan dari Orde Baru ke era reformasi di Indonesia, misalnya, gerakan masyarakat warga yang menuntut demokrasi kadangkala bercampur dengan kerusuhan massa yang lebih emosional dan homogen. Protes yang asalnya bermula daripada tuntutan perjuangan keadilan kadangkala diseret oleh emosi kolektif hingga menatijahkan penjarahan, kekerasan, dan keganasan.

Persoalannya: Mengapa seseorang rela melepaskan identiti peribadinya demi menjadi sebahagian daripada suatu kolektif? Persoalan ini jelas membuktikan bahawa fenomena massa bukan sekadar sebuah kisah tentang kerumunan. Perbauran ini—antara massa dan masyarakat warga—membuktikan bahawa garis pemisah antara masyarakat warga dan massa adalah nipis. Dalam keadaan tertentu, naluri liar boleh mengatasi keupayaan nalar murni, menghumban individu ke dalam massifikasi.

Namun, ciri utama gerakan masyarakat warga ialah keupayaan mereka bertindak berasaskan prinsip negara hukum selari dengan protes aman, mogok, dan sering membuka pintu rundingan politik seluas-luasnya. Tindakan ketidakpatuhan warga (*ziviler Ungehorsam*) ini—untuk menuntut keadilan atau reformasi—biasanya diperkuatkan oleh kesedaran tentang hak perlembagaan dan matlamat yang jelas boleh dipertahankan.

Misalnya gerakan hak warga di Amerika Syarikat pada 1960-an yang dipimpin oleh Martin Luther King Jr., menunjukkan bagaimana masyarakat warga boleh menggunakan protes aman untuk mencapai

perubahan sosial tanpa terjerumus ke dalam kuasa massa yang di luar kawalan. Begitu juga Nelson Mandela, melalui African National Congress (ANC), menunjukkan kuasa masyarakat warga dalam menentang rejim Aparteid di Afrika Selatan. Gerakan masyarakat warga ini bertujuan menghapuskan diskriminasi dan membina masyarakat yang terang-kum. Ini berbeza daripada gerakan massa dalam totalitarianisme yang sering dipacu oleh emosi kolektif tanpa pertimbangan rasional. Walaupun gerakan masyarakat warga tidak sepenuhnya kalis emosi, mereka lebih berstruktur dan bertujuan, dengan tumpuan pada pembinaan masyarakat yang lebih terang-kum.

Analisis Empat Langkah

Justeru, untuk memahami fenomena massa dengan lebih sistematik, kita boleh berkaca kepada perspektif empat filsuf: Georg Simmel, Hermann Broch, Elias Canetti, dan Hannah Arendt. Mengapa empat pemikir berbahasa Jerman ini? Jawapannya ialah untuk meninjau sudut pandang berbeza—tetapi menyeluruh—mengenai fenomena massa, mencakupi aspek epistemologi, psikologi, antropologi, dan politik. Sudut pandang ini boleh kita ringkaskan sebagai ‘analisis empat langkah’.

Sebagai pengenalan, Simmel lewat sosiologi mikro (*Mikrosoziologie*), menganalisis epistemologi yang membentuk massa, selain meneliti bagaimana interaksi individu berkembang menjadi kolektif besar. Manakala Broch pula meneroka psikologi massa (*Massenpsychologie*) melalui karya sasteranya, termasuklah menyoroti bagaimana emosi dan identiti kolektif mempengaruhi tingkah laku manusia dalam kerumunan. Ini dilanjutkan oleh Canetti—melalui pendekatan antropologi—yang menempatkan massa sebagai fenomena budaya dan sejarah, yakni memeriksa bagaimana massa membentuk dan dibentuk oleh konteks sosial yang lebih luas. Akhirnya Arendt, seorang filsuf politik yang sukar dikategorikan, meneliti dampak politik massa terhadap demokrasi dan kuasa, dengan tumpuan kemungkinan massa boleh dimanipulasi untuk tujuan totaliter.

Semua pemikir yang dibicarakan ini memiliki latar belakang Yahudi dan kecuali Simmel, setiapnya pernah mengalami trauma Holocaust dan Perang Dunia Kedua. Pengalaman mereka sebagai ‘korban’ dalam konteks sejarah yang penuh kekejaman membentuk

perspektif mereka tentang massa. Trauma ini bukan sahaja mewarnai pemikiran mereka, tetapi juga menjadikan mereka peka terhadap kuasa massa yang boleh membina atau memusnah. Ingatan kolektif (*kollektives Gedächtnis*) tentang penderitaan ini mencetuskan sebuah soalan falsafah yang menarik: Jika pemikiran individu mereka diwarnai oleh pengalaman sebagai mangsa, adakah massa—sebagai entiti kolektif—boleh terlepas daripada perangkap pengalaman yang sama? Ini adalah teka-teki trauma kebudayaan (*kulturelles Trauma*) yang ditanggapi secara tersurat dan tersirat oleh keempat-empat filsuf yang dikemukakan.

Dalam konteks mutakhir, kepentingan memahami fenomena massa semakin mendesak lebih-lebih lagi demokrasi massa beralih menjadi fahaman global. Selain pengaruh globalisasi, perkembangan teknologi digital dan media sosial telah mengubah landskap sosial dan politik, sekaligus memudahkan pembentukan identiti kolektif dengan keantasan belum pernah terbayang.

Misalnya, media sosial bukan sahaja memungkinkan penyebaran ideologi, tetapi juga memperhebat naratif perpecahan dan memancing emosi kolektif hingga mencipta ruang kepada pembentukan massa. Kempen digital menunjukkan bagaimana teknologi boleh segera memobilisasi massa untuk tujuan positif. Malangnya, platform yang sama juga boleh menjadi saluran untuk penyebaran propaganda, hebahan maklumat palsu, dan membina naratif yang memecah-belahkan masyarakat.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, massa adalah fenomena kompleks yang membezakan dirinya daripada gerakan masyarakat warga melalui proses massifikasi. Selain itu, massa juga merupakan konsep yang berbeza dengan pelbagai kategori sosial lain—seperti kumpulan, kelompok, masyarakat, kerumunan, dan rakyat—kerana sifatnya yang cenderung totaliter. Dalam proses massifikasi, keunikan individu dileburkan demi identiti kolektif.

Lewat nyahpersonalisasi dan pemerosotan, wajah massa sering terpampang dalam tindakan diskriminatif, keras dan ganas terhadap kelompok yang dianggap asing. Walaupun gerakan masyarakat warga menekankan kesedaran individu dan kemajmukan, tetapi jika

tidak berhati-hati gerakan ini juga boleh terjebak dalam massifikasi terutamanya ketika konflik politik dan sosial yang parah.

Justeru, dengan merujuk ‘analisis empat langkah’ lewat falsafah Simmel, Broch, Canetti, dan Arendt, kita dapat memahami betapa rumitnya fenomena massa, lebih daripada sekadar penampakan di permukaannya. Fenomena massa adalah suatu kekuatan yang membentuk jiwa kolektif hingga boleh dimanipulasi oleh faham totaliter demi tujuan politik khusus. Sungguhpun begitu, fenomena massa bukan sekadar persoalan politik semata. Sebaliknya, fenomena ini turut melimpah ke dalam segenap kehidupan manusia, selain menjadi lambang pergelutan—individu dan kolektif—sepanjang zaman yang tidak pernah tuntas.